

Lebih 4,000 graduan terima ijazah di Konvokesyen UMS ke-16

NET 22.11.2014 3

KOTA KINABALU: Seramai 4,490 graduan menerima ijazah dalam Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-16, selama tiga hari bermula kelmarin.

Daripada jumlah itu seramai 166 graduan pascasiswazah termasuk 26 graduan Doktor Falsafah (PhD), seramai 3,857 graduan ijazah sarjana muda (sepenuh masa), 437 graduan ijazah (sepunuh masa) dan 30 penerima diploma.

Pada konvokesyen itu seramai 14 pelajar antarabangsa masing-masing menerima ijazah. Daripada jumlah itu tiga graduan PHD masing-masing seorang dari Brunei, Indonesia dan Iraq, dan 11 graduan sarjana iaitu tujuh orang dari Indonesia, dua dari Algeria dan masing-masing seorang dari Jepun dan Yaman.

Turut menerima anugerah ialah Datuk Yong Teck Shing yang menerima Ijazah Kehormat Sarjana Hubungan Antarabangsa dan Prof. Madya Hj. Inon Shaharuddin Abd Rahman menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Seni Kreatif.

Penganugerahan ijazah pada sidang pertama (pagi) disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri yang juga Canselor UMS, Tun Haji Juhar Haji Mahiruddin.

Terdahulu itu ketika berucap Tun Juhar berpuas hati dengan usaha yang dilaksanakan oleh UMS untuk memasarkan dan memperkenalkan jenama UMS sebagai antara universiti awam yang cemerlang.

"Saya berharap usaha-usaha ini dipergiatkan lagi agar perkongsian idea, pemikiran, rekacipta dan inovasi dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Sabah," katanya.

Beliau turut mengingatkan warga universiti dan graduan supaya memberi tumpuan terhadap pembangunan modal insan yang berdaya maju, pemantapan penyelidikan dan penyebaran khidmat profesional yang akan memberi manfaat kepada masyarakat, negeri dan negara.



SAMPAIKAN ANUGERAH ... Tun Juhar menyampaikan Anugerah Pingat Emas Canselor kepada Azliza Sanimin.

"Semua ini harus dilaksanakan secara professional demi kepentingan nasional bukan bersifat individu atau politik kepartian.

"Tanggungjawab universiti bukan

sahaja untuk menghasilkan graduan serba boleh tetapi negarawan ulung yang dihormati," katanya.

Tun Juhar juga mahu agar warga UMS terus bersatu hati, mengata-

"Impak daripada latihan ini adalah bagi meningkatkan hubungan baik antara kedua-dua negara. Jika ada keperluan membabitkan operasi boleh dijalankan dengan selamat."

"Namun, misi utama kita adalah menjalankan latihan bagi menentukan prosedur operasi standard (SOP) yang terjalin antara kedua-dua negara sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas menutup Eksesais Hornbill siri 24/2014 di Auditorium Markas Angkatan Kapal Selam, Pangkalan

makan integriti dan mempertingkatkan produktiviti untuk melonjakkan pencapaian UMS ke tahap yang lebih cemerlang sama ada dalam negara atau peringkat antarabangsa.

"Universiti merupakan pusat pemikiran yang menyumbang kepada kemajuan bangsa dan negara, bukannya tempat untuk memperjuangkan kepentingan diri sendiri atau partisan yang sempit. Kepentingan umum hendaklah mengatasi kepentingan peribadi.

"Kepada para graduan, saya berpesan agar sentiasa menjaga tingkah laku yang baik dalam kegairahan terhadap sindrom idealism, saya berharap agar para graduan dapat mengendalikannya dengan pemikiran yang waras dan memberi pertimbangan sejawarnya sebelum mengambil sesuatu tindakan," katanya.

Tun Juhar berkata bagi memasyarakatkan pengajian tinggi, satu paradigm baharu perlu diperkenalkan.

"Ini penting kerana universiti bukan sekadar pusat pengajian tinggi tetapi institusi pencinta ilmu, tempat di mana pengetahuan dikumpul dan ilmu baharu diterokai, disampaikan kepada pelajar dan dipindahkan kepada masyarakat," katanya.

Turut hadir Pro Canselor UMS Tan Sri Datuk Seri Yeoh Tiong Lay dan Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah. — OLEH MARRYAN RAZAN — marryan@newsabahtimes.com.my

K-sama TLDM, TLDB perkukuh keselamatan Laut China Selatan

KOTA KINABALU: Kerjasama antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) mampu memperkuuh tahap keselamatan perairan, Laut China Selatan, yang dikongsi dua negara tersebut.

Panglima Wilayah Laut 2 Datuk Mohd Rosland Omar berkata pihaknya mengadakan banyak latihan bersama Brunei dan juga negara jiran lain seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi meningkatkan tahap keselamatan perairan dan maritim negara.

TLDM Kota Kinabalu.

Turut hadir Pemimpin Kolonel (Laut) Mohd

Menurut Mohd langsun sejak 17 November 2014 oleh TLDB. Saya merakamkan pengalaman banyak membantu tentera laut negara terutamanya